



Orang muda didaftarkan secara automatik untuk mengundi sebaik usia mereka mencapai 18 tahun. – Gambar hiasan

'Banjir atau tak kami tetap keluar mengundi'

- Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI, LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR dan SALEHUDIN MAT RASAD
- 15 Oktober 2022, 8:23 am

PETALING JAYA – Rata-rata orang muda berusia 18 tahun terutama yang pertama kali hendak mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) ternyata teruja dan gembira kerana berpeluang memilih wakil rakyat.

Pelajar kolej, Nur Najihah Umar Bakri, 19, berkata, peluang itu sangat ditunggu kerana tidak perlu lagi menanti sehingga usia 21 tahun seperti sebelum ini.

"Sebelum ini, tengok sahaja ibu bapa mengundi tetapi kali ini saya berpeluang membuang undi buat kali pertama untuk Parlimen Hulu Langat.

"Pendaftaran dilakukan secara automatik. Saya mahu pilih calon bertanggungjawab, amanah dan jujur," katanya kepada Kosmo!.

Rakannya, Nur Syarina Wahieda Mohd. Shaiful Hilmi, 18, berkata, dia berazam untuk menunaikan tanggungjawab tersebut untuk mengundi di kawasan Parlimen Kuala Terengganu.

"Sudah tentu saya pilih calon yang bertanggungjawab, amanah dan jujur selain ada sifat kemanusiaan sebagai wakil rakyat," katanya.

Graduan universiti, Aidil Fahmy Yusni, 22, pula berkata, dia terlepas untuk mengundi pada PRU14 kerana belum melepassi usia 21 tahun.

"Jika banjir dan hujan, saya akan pergi mengundi dan memilih pemimpin untuk negara melalui amalan demokrasi untuk Parlimen Hulu Langat," katanya.

Di Temerloh, Muhammad Arfan Salehudin, 20, turut berkongsi perasaan sama kerana teruja dapat membuang undi untuk bersama mencorak masa depan negara.